

04 JUL 1996  
Mahathir-Tanah  
KERAJAAN CADANG AMBIL ALIH TANAH TERBIAR

TELUK INTAN, 4 Julai (Bernama) -- Kerajaan bercadang untuk mengambil alih tanah terbiar di negara ini untuk dimajukan secara komersil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kajian sedang dijalankan terutama daripada segi pembahagian tanah secara faraid kerana kebanyakan tanah terbiar merupakan milik orang Melayu.

"Yang menjadi masalahnya kerana kebanyakan tanah terbiar ini milik orang Melayu yang terlibat dengan pembahagian secara faraid. Jadi kita harus mengkaji apakah yang dibenarkan oleh Islam dalam kes yang semacam ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Gerakan Desa Wawasan di Felcra Seberang Perak, dekat sini.

Katanya, kerajaan sukar mengambil alih tanah terbiar milik orang Melayu kerana terdapat beberapa halangan seperti terlalu ramai pemilik berikutan pengagihan yang dibuat mengikut sistem faraid.

"Kalau ia melibatkan satu generasi atau dua generasi mungkin ramai yang berhak ke atas tanah itu. Ada kalanya mereka tidak peduli dan tidak mahu beri persetujuan dan ini agak menyukarkan bagi kita untuk menguruskan tanah mereka," katanya.

Perdana Menteri yakin masalah itu akan dapat diatasi kerana Islam tidak menggalakkan pembaziran harta di kalangan umatnya seperti membiarkan tanah tanpa diusahakan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pandangan ulama diperlukan sebelum sebarang keputusan dibuat berhubung perkara itu.

Dr Mahathir berkata, kajian itu turut melibatkan kemungkinan kerajaan dibenarkan mengambil alih tanah terbiar milik orang Melayu dengan hanya memerlukan persetujuan majoriti jika gagal mendapat persetujuan kesemua pemilik.

Cadangan lain turut melibatkan kemungkinan pemberian saham kepada pemilik yang bersetuju tanah mereka dimajukan atau menyimpan wang pemilik tanah yang tidak dapat dikesan dalam satu akaun sehingga mereka ditemui, katanya.

"Yang penting tanah itu kita boleh majukan secepat mungkin walaupun pemiliknya belum dapat dikesan," katanya.

Ketika ditanya sama ada Baitulmal akan ditugaskan untuk mengambil alih tanah terbiar milik orang Melayu apabila cadangan itu dilaksanakan, Perdana Menteri berkata: "Kita nak tengoklah, boleh atau tidak. Saya tak boleh bagi jawapan sekarang."

Katanya, kajian itu tidak melibatkan pindaan kepada Kanun Tanah Negara kerana ia lebih merupakan masalah yang timbul berkaitan pembahagian tanah secara faraid itu.

Mengenai pembukaan tanah rancangan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda), Dr Mahathir berkata agensi itu telah hampir setahun menghentikan proses menempatkan peneroka di rancangan pembangunan tanahnya.

Katanya, langkah itu bertujuan membolehkan kerajaan menggalakkan mereka bekerja di rancangan tanah sambil menjadi pemegang saham.

"Kita dapati peneroka yang lama pun mengupah orang lain bekerja, dia tak mahu bekerja," katanya.

Bagaimanapun, katanya beberapa pihak termasuk kerajaan negeri mempertikaikan langkah itu kerana mereka lebih suka jika peneroka ditempatkan di rancangan Felda seperti sekarang.

Dalam hal ini, katanya, kerajaan pusat berpendapat peneroka bukannya

berminat sangat untuk menjadi peneroka tetapi lebih kepada usaha mendapat hak milik tanah yang kemudiannya boleh dipajak atau dijual. -- BERNAMA  
AH NMO